

Artikel

Hubungan Undang-Undang Adat dan Keharmonian Antara etnik di Sabah: Analisis KAP
(*The Relationship Between Customary Law and Interethnic Harmony in Sabah: A KAP (Knowledge, Attitude, Practice) Analysis*)

Rosazman Hussin¹, Johan Johnes^{2*}, Jeannet Stephen¹, Jaliyah Md Shah², Suraya Sintang³,
Muhammad Idris Bullare@Bahari², Christina Andin³ & Siti Aida Lukin@Lokin⁴

¹Institut Kajian orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia, ²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia, ³Fakulti Psikologi dan Bimbingan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia, ⁴Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

*Pengarang Koresponden: johanjohnes28@gmail.com

Diserah: 08 Ogos 2025 / Diterima: 20 Januari 2026

Abstrak: Kajian ini meneliti hubungan antara undang-undang adat dan persepsi keharmonian antara etnik di Sabah menggunakan kerangka Pengetahuan-Afektif-Amalan (KAP). Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan rentas-seksyen yang melibatkan responden daripada beberapa daerah terpilih di Sabah bagi menilai tahap kefahaman, sikap dan amalan masyarakat terhadap undang-undang adat serta hubungannya dengan keharmonian sosial antara etnik. Data dikumpulkan melalui soal selidik berstruktur dan dianalisis menggunakan pendekatan statistik inferensi bagi mengenal pasti pola hubungan dan sumbangan relatif setiap dimensi KAP terhadap keharmonian etnik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa undang-undang adat mempunyai hubungan yang signifikan dengan persepsi keharmonian antara etnik. Ketiga-tiga dimensi KAP didapati menyumbang secara bermakna terhadap pembentukan hubungan harmoni, dengan dimensi afektif muncul sebagai faktor yang paling dominan berbanding dimensi pengetahuan dan amalan. Hal ini menunjukkan bahawa sikap, penerimaan dan keprihatinan sosial terhadap undang-undang adat memainkan peranan yang lebih besar dalam mengukuhkan keharmonian antara etnik berbanding kefahaman formal semata-mata. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa undang-undang adat bukan sekadar sistem peraturan tradisi, tetapi berfungsi sebagai mekanisme sosial yang penting dalam memperkukuh toleransi, kepercayaan dan kohesi sosial dalam masyarakat majmuk Sabah. Implikasi kajian mencadangkan keperluan untuk memperkukuh pendidikan komuniti, penghayatan nilai adat serta peranan Mahkamah Anak Negeri sebagai institusi utama dalam menyokong keharmonian antara etnik secara berterusan.

Kata kunci: Undang-undang adat; kerangka KAP; hubungan etnik; keharmonian sosial; Mahkamah Anak Negeri

Abstract: This study examines the relationship between customary law and perceptions of interethnic harmony in Sabah using the Knowledge-Affective-Practice (KAP) framework. A cross-sectional survey design was employed involving respondents from selected districts in Sabah to assess community knowledge, attitudes, and practices towards customary law and their association with interethnic harmony. Data were collected using a structured questionnaire and analysed through inferential statistical approaches to identify relational patterns and the relative contribution of each KAP dimension to social harmony. The findings indicate that customary law is significantly associated with perceptions of interethnic harmony. All three KAP dimensions contribute meaningfully to the formation of harmonious interethnic relations, with the affective dimension emerging as the most dominant factor compared to knowledge and practice. This suggests that social acceptance, emotional orientation, and community support for customary law play a more influential

role in strengthening interethnic harmony than formal knowledge alone. Overall, this study affirms that customary law functions not merely as a traditional regulatory system but as a vital social mechanism that strengthens tolerance, trust, and social cohesion within Sabah's plural society. The findings highlight the importance of strengthening community-based education, reinforcing customary values, and enhancing the role of the Native Court as a key institution in sustaining long-term interethnic harmony.

Keywords: Customary law; KAP framework; interethnic relations; social harmony; Native Court

Pengenalan

Sabah merupakan sebuah negeri di Malaysia yang kaya dengan kepelbagaian etnik, memiliki lebih daripada 30 kumpulan etnik yang berkomunikasi dalam lebih 50 bahasa dan 80 dialek (Laman Rasmi Kerajaan Negeri Sabah, 2024). Kepelbagaian ini membentuk suatu dinamika sosial dan budaya yang kompleks, sekaligus menjadikan Sabah sebuah laboratorium sosial yang unik dalam memahami interaksi antara etnik. Walaupun kepelbagaian ini sering dianggap sebagai kekuatan, cabaran dalam mengekalkan keharmonian hubungan antara etnik tidak dapat diabaikan. Menurut Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) yang dibangunkan oleh Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sejak 2017, tahap perpaduan nasional Malaysia berada pada paras sederhana dan terkawal dengan skor 0.629 bagi tahun 2022 (Booklet Pencapaian Indeks Perpaduan Nasional 2022). IPNas berfungsi sebagai instrumen rasmi kerajaan untuk menilai keberkesanan dasar dan program perpaduan melalui pengukuran saintifik tahap keharmonian serta integrasi sosial antara kaum. Walaupun menunjukkan trend peningkatan dari tahun ke tahun, dapatan ini menegaskan keperluan untuk terus memperkukuh perpaduan melalui mekanisme tempatan seperti undang-undang adat dan institusi Mahkamah Anak Negeri di Sabah.

Salah satu faktor tempatan yang memainkan peranan penting dalam mengekalkan hubungan harmoni antara etnik di Sabah ialah undang-undang adat. Undang-undang adat yang diamalkan oleh masyarakat pribumi seperti KadazanDusun, Murut, Rungus dan Bajau bukan sekadar warisan budaya, tetapi berfungsi sebagai sistem normatif yang mengatur hubungan sosial, ekonomi dan budaya antara komuniti. Menurut Ahrén (2004), undang-undang adat hadir dalam semua dimensi kehidupan seharian, manakala Moore (2000) menegaskan bahawa adat bukanlah undang-undang kuno yang statik, tetapi sistem yang berkembang secara dinamik mengikut perubahan masyarakat dan persekitaran. Oleh itu, undang-undang adat di Sabah perlu difahami bukan hanya sebagai instrumen peraturan, tetapi sebagai mekanisme sosial yang sentiasa menyesuaikan diri dengan keperluan zaman.

Dalam konteks pluralisme perundangan di Malaysia Timur, kewujudan Mahkamah Anak Negeri (MAN) menjadi bukti bahawa undang-undang adat masih berfungsi dalam sistem sosial moden. Berdasarkan Seksyen 6 Enakmen Mahkamah Anak Negeri (EMAN) 1992, MAN mempunyai bidang kuasa yang luas termasuk pelanggaran adat, perkahwinan, pewarisan dan pengambilan anak angkat. Institusi ini bukan sahaja menegakkan keadilan adat, tetapi turut memainkan peranan dalam mengekalkan kohesi sosial melalui nilai komuniti, keseimbangan dan keadilan yang dikongsi bersama oleh pelbagai etnik. Dari sudut teori sosial, kohesi sosial merujuk kepada tahap kepercayaan, rasa kekitaan, dan keterlibatan sosial yang membolehkan masyarakat berfungsi secara harmoni (Fonseca et al., 2018).

Walau bagaimanapun, kesan pemodenan, urbanisasi dan globalisasi telah menimbulkan persoalan baharu tentang sejauh mana kefahaman, nilai dan amalan undang-undang adat masih diaplikasikan dalam kalangan masyarakat masa kini, terutamanya dalam membentuk persepsi hubungan harmoni antara etnik. Kajian ini menjawab persoalan tersebut dengan menggunakan kerangka Pengetahuan-Afektif-Amalan (KAP). Kerangka KAP bukan dicipta oleh seorang individu tertentu, tetapi muncul daripada tradisi penyelidikan sosial dan kesihatan awam pada tahun 1950-an, khususnya dalam bidang *health education* dan *family planning* (Andrare et al., 2020). Ketiga-tiga dimensi ini dijangka mempunyai pengaruh positif dengan persepsi keharmonian antara etnik. Berdasarkan kerangka KAP, kajian ini merumuskan persoalan utama tentang bagaimana dimensi pengetahuan, afektif dan amalan terhadap undang-undang adat dapat mempengaruhi persepsi hubungan harmoni antara etnik di Sabah.

Ketiga-tiga domain ini mencerminkan proses pembentukan sikap sosial yang bermula daripada kesedaran kognitif tentang nilai dan fungsi undang-undang adat (pengetahuan), kepada perasaan dan penerimaan terhadap kepentingannya (afektif), seterusnya kepada perlakuan atau keterlibatan dalam mengamalkan nilai tersebut (amalan). Oleh itu, soalan kajian yang dirumuskan ialah:

1. Adakah terdapat pengaruh undang-undang adat yang signifikan antara ketiga-tiga dimensi KAP terhadap hubungan harmoni antara etnik di Sabah?
2. Dimensi KAP manakah yang menjadi peramal paling kuat terhadap pengaruh undang-undang adat terhadap hubungan harmoni antara etnik di Sabah?

Selaras dengan soalan kajian ini, dua hipotesis utama yang diuji adalah:

1. H₁: Terdapat hubungan yang signifikan antara ketiga-tiga dimensi KAP terhadap pengaruh undang-undang adat dalam mewujudkan hubungan harmoni antara etnik di Sabah.
2. H₂: Salah satu daripada dimensi KAP menjadi peramal yang paling kuat terhadap pengaruh undang-undang adat dalam mewujudkan hubungan harmoni antara etnik di Sabah.

Kerangka Pengetahuan-Afektif-Amalan (KAP)

Kerangka KAP mula digunakan pada awal 1950-an sebagai pendekatan kajian tingkah laku dalam kesihatan awam, khususnya oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk menilai keberkesanan program kawalan penyakit berjangkit dalam komuniti pasca-perang (Launiala, 2009; WHO, 1954). Pada dekad 1960-an dan 1970-an, kerangka ini berkembang sebagai teknik survei standard bagi memahami bagaimana pengetahuan membentuk sikap dan seterusnya mempengaruhi amalan, terutamanya dalam bidang kesihatan reproduktif, imunisasi dan penyakit endemik (Rosenstock, 1974; Mullen et al., 1985). KAP kemudiannya digunakan secara lebih meluas dalam kajian sosiologi pembangunan dan antropologi kerana kerangkanya yang ringkas tetapi mampu menjelaskan hubungan linear antara faktor kognitif, afektif dan tingkah laku dalam perubahan sosial (Launiala, 2009). Dalam konteks kajian hubungan etnik dan undang-undang adat, kerangka ini kekal relevan kerana ia membolehkan penyelidik menilai bagaimana pengetahuan masyarakat terhadap undang-undang adat, sikap terhadap adat etnik lain, dan amalan adat dalam kehidupan sosial harian yang membentuk tahap keharmonian sesuatu komuniti.

Kajian rentas negara menunjukkan bahawa undang-undang adat berfungsi bukan sahaja sebagai instrumen penyelesaian konflik, tetapi juga sebagai mekanisme pembentukan pengetahuan, afektik dan amalan dalam kalangan orang asal. Ahrén (2004) menegaskan bahawa dalam masyarakat Saami di Scandinavia, undang-undang adat dan sistem kepercayaan tradisional membentuk asas pengetahuan kolektif yang mengatur hubungan antara manusia, tanah dan sumber alam. Pengetahuan adat ini membentuk sikap sosial (*attitudinal orientation*) terhadap pemuliharaan tanah dan tingkah laku komuniti, sekaligus menunjukkan kesepadanan dengan konsep KAP walaupun tidak dinamakan secara eksplisit. Di Indonesia, kajian Dalyan et al. (2024) mengenai masyarakat Kalupini menunjukkan bahawa institusi adat (*Lembaga Adat*) mempengaruhi amalan komuniti melalui norma sosial, hukuman adat dan pemindahan pengetahuan tradisional secara turun-temurun. Pengetahuan tentang zon tanah adat (Tana Ongko, zon guna, zon tempat tinggal) serta sikap hormat terhadap larangan adat membentuk amalan kolektif yang mengekalkan keharmonian sosial dan keseimbangan ekologi.

Selain itu, kajian perundangan adat di Afrika Selatan memberi bukti kukuh bahawa komponen pengetahuan, sikap dan amalan merupakan asas kepada fungsi undang-undang adat dalam masyarakat plural. Morudu dan Maimela (2021) menjelaskan perbezaan antara undang-undang adat yang diamalkan secara organik oleh komuniti (*living customary law*) dan undang-undang adat yang dikodifikasikan oleh negara (*official customary law*). Perbezaan ini menunjukkan bagaimana pengetahuan komuniti terhadap adat, sikap mereka terhadap legitimasi institusi adat, serta amalan harian yang berpaksikan norma tradisional menentukan keberkesanan undang-undang adat dalam menjaga keharmonian sosial. Priambodo (2018) turut menunjukkan bahawa pengiktirafan undang-undang adat dalam *Basic Agrarian Law* (BAL) mengekalkan amalan tradisional seperti Hak Ulayat, dan pengetahuan serta penerimaan komuniti terhadap undang-undang adat menjadi faktor utama dalam penyelesaian pertikaian agraria. Gabungan kajian ini menunjukkan bahawa unsur KAP wujud

secara substantif dalam amalan undang-undang adat di pelbagai negara, sekali gus mengukuhkan asas konseptual kajian ini.

Undang-Undang Adat di Malaysia

Menurut Jelani (2008), undang-undang adat yang diwarisi turun-temurun terus berfungsi sebagai asas aturan sosial dalam komuniti, terutamanya apabila ia diamalkan secara organik sebagai undang-undang adat hidup iaitu adat yang terus berkembang melalui amalan harian, kefahaman bersama, dan persetujuan komuniti. Kajian Mohd et al. (2021) menunjukkan bahawa Adat Perpatih masih diamalkan secara kukuh oleh komuniti Orang Asli Kampung Parit Gong, mencerminkan kekuatan undang-undang adat hidup dalam mengekalkan prinsip kolektiviti dan warisan tanah. Namun, seperti diuraikan oleh Wook et al. (2017), ketegangan sering timbul apabila undang-undang adat hidup ini perlu disesuaikan dengan undang-undang adat rasmi yang lazimnya beroperasi dalam kerangka pentadbiran moden dan cenderung menekankan pemilikan individu. Laporan Cultural Survival et al. (2023) turut menegaskan bahawa walaupun mahkamah mengiktiraf tanah adat berdasarkan amalan komuniti, undang-undang rasmi seperti Kanun Tanah Negara 1965 dan Akta Orang Asli 1954 masih belum mencerminkan sepenuhnya prinsip-prinsip kolektif yang mendasari undang-undang adat hidup. Perbezaan antara adat hidup dan adat rasmi ini mewujudkan jurang dasar yang mempengaruhi kejelasan hak dan keberkesanan perlindungan tanah adat, meskipun komuniti terus menunjukkan kekuatan dalam memelihara adat mereka sebagai sistem sosial yang aktif dan berfungsi.

Konteks undang-undang adat di Sarawak turut menunjukkan cabaran yang tersendiri berbanding di Semenanjung Malaysia. Menurut Kod Tanah Sarawak 1957, tanah adat Bumiputera (NCL) diiktiraf di bawah peruntukan seperti Seksyen 2(a), Seksyen 5(2) dan Seksyen 15(1) yang menekankan definisi, kaedah pemilikan dan perlindungan hak tanah adat. Walau bagaimanapun, pertikaian berkaitan sempadan tanah *Native Customary Rights* (NCR) menjadi rumit apabila terdapat perbezaan tafsiran dalam kalangan pemilik tanah dan apabila tanah milik kerajaan dituntut sebagai tanah NCR (Azima et al., 2015). Seperti yang dinyatakan oleh Samsudin et al. (2021) percanggahan utama sering timbul apabila undang-undang adat hidup yang menekankan makna rohaniah, tatacara penggunaan dan pemilikan kolektif yang tidak sepadan dengan undang-undang adat rasmi yang lebih menuntut penetapan bentuk, bukti dokumentasi dan struktur pemilikan moden. Ketidakselarasan ini menunjukkan bagaimana pengkodifikasian adat oleh negara kadangkala gagal mencerminkan prinsip asal yang diamalkan komuniti, sekali gus mewujudkan ruang pertindihan, salah tafsir dan kelemahan perlindungan terhadap hak adat.

Literatur mengenai undang-undang adat di Sabah pula secara konsisten menekankan sifat dwi-lapis antara adat hidup dan pentadbiran undang-undang rasmi, dengan Mahkamah Anak Negeri (MAN) berperanan sebagai penghubung institusi. Dari perspektif pluralisme undang-undang, Salleh (2021) dan Salleh et al. (2024) menunjukkan bahawa undang-undang adat bukan sahaja diiktiraf sebagai sumber undang-undang negeri, tetapi turut beroperasi dalam ruang kuasa tersendiri yang membezakan antara adat sebagai norma komuniti dan adat yang diprosedurkan. Penelitian sejarah oleh Azlizan & Salbiya (2020) pula menjelaskan bahawa pembentukan MAN sejak era kolonial mencorakkan asas birokratik yang kini menentukan hubungan antara adat dan negara. Namun kajian ritual dan kosmologi oleh Pugh Kitingan et al. (2023) serta analisis keadilan adat Kimaragang oleh Jikat (2021) menunjukkan bahawa adat berakar pada sistem makna dan struktur moral yang lebih organik berbanding bentuk yang dikodifikasikan dalam institusi rasmi.

Kajian kontemporari turut menegaskan variasi etnik dan amalan adat di Sabah. Marinsah et al. (2019) dan Hasmin et al. (2022) mendokumentasikan adat kematian Bajau dan adat sogit Dusun, menolak anggapan bahawa adat Sabah bersifat homogen. Dalam konteks hubungan etnik, Hussin et al. (2021;2022) dan Tamring & Mahali (2020) mendapati bahawa adat menyumbang kepada toleransi sosial dan pengurangan konflik, namun dapatan tersebut tidak mengukur secara langsung tahap pengetahuan, sikap, atau kepercayaan masyarakat terhadap adat dan MAN.


Dari segi kerangka perundangan, bidang kuasa MAN diperincikan dalam Senarai IIA Tambahan kepada Senarai Negeri bagi Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 95B(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Secara khusus, Perenggan 13 memperuntukkan bidang kuasa berkaitan undang-undang dan adat anak negeri seperti berikut;

“13. Undang-undang dan adat anak negeri, termasuk undang-undang diri yang berhubungan dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, undang-undang keluarga, alang atau pewarisan, berwasiat atau tidak berwasiat; pendaftaran pengangkatan di bawah undang-undang atau adat anak negeri; penentuan perkara perkara mengenai undang-undang atau adat anak negeri; keanggotaan, susunan, dan tatacara mahkamah anak negeri (termasuk hak untuk didengar di dalam mahkamah itu), dan bidang kuasa dan kuasa mahkamah itu, yang hendaklah meliputi hanya perkara yang termasuk dalam perenggan ini sahaja dan tidaklah termasuk bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan.”ⁱ

Bidang kuasa MAN diperincikan lagi dalam Seksyen 6 Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992, manakala Seksyen 9 menetapkan bahawa MAN tidak mempunyai kawalan ke atas perkara di bawah Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil, dan kuasa menghukum penjara memerlukan pengesahan Majistret. Selain institusi adat formal, kajian oleh Johnes et al. (2022) menunjukkan bahawa amalan budaya dan perayaan rakyat berfungsi sebagai medium interaksi sosial lintas etnik yang memperkukuh kepercayaan, toleransi dan rasa kekitaan dalam masyarakat Sabah, sekali gus menyokong peranan adat sebagai mekanisme keharmonian sosial yang bersifat afektif dan pengalaman bersama. Keseluruhan literatur ini memperlihatkan satu jurang kritikal: tiada kajian yang menilai variasi empirikal dalam pengetahuan adat, sikap sosial terhadap adat, dan amalan adat dalam kehidupan seharian, khususnya dalam komuniti campuran dan kawasan urban di Sabah. Jurang ini menandakan keperluan mendesak untuk penyelidikan baharu yang menilai keberkesanan undang-undang adat sebagai mekanisme kohesi sosial dalam landskap Sabah kontemporari yang semakin kompleks dan pelbagai.

Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kuantitatif sebagai metodologi utama. Data primer dikumpulkan melalui borang soal selidik yang diedarkan di tujuh daerah terpilih di Sabah, iaitu Sandakan, Tawau, Kuala Penyu, Ranau, Keningau, Kota Kinabalu dan Kota Marudu (Rajah 1), sepanjang tahun 2022 hingga 2023. Kesemua kawasan kajian ini digabungkan dan dianalisis sebagai satu unit kajian kes yang komprehensif bagi menilai respons masyarakat pelbagai etnik terhadap undang-undang adat dan keharmonian etnik di Sabah.



Rajah 1. Lokasi kajian
Adaptasi dari Google Maps, 2023

Penetapan sampel kajian dilakukan berdasarkan data kependudukan rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia (2019), melibatkan populasi seramai 2,676,100 orang di tujuh daerah terpilih. Pensampelan kuota terkawal digunakan bagi menentukan saiz sampel setiap daerah mengikut panduan saiz sampel minimum Krejcie dan Morgan (1970), bagi memastikan kewakilan statistik di peringkat daerah. Pemilihan responden

pula menggunakan kaedah *convenience sampling with controlled quota*, iaitu pensampelan mudah dengan kawalan kuota. Pemilihan dibuat di lokasi awam serta semasa acara kemasyarakatan, di mana kesediaan responden menjadi asas pemilihan; namun bilangan responden setiap daerah dikawal ketat agar memenuhi kuota yang ditetapkan (Jadual 1).

Jadual 1. Kuota responden, keperluan sampel minimum krejcie dan morgan (1970) dan nilai pemberat statistik

Kawasan Kajian	Jumlah Populasi (N)	Sampel Diperlukan (Krejcie & Morgan, 1970)	Sampel Kajian (n)	Peratus (%)	Nilai Pemberat (W)
Sandakan	510,600	384	385	14.1	1326.23
Tawau	514,000	384	385	14.1	1335.06
Kuala Penyu	24,500	378	385	14.1	63.64
Ranau	114,000	383	385	14.1	296.10
Keningau	219,100	383	400	14.7	547.75
Kota Kinabalu	527,600	384	400	14.7	1319.00
Kota Marudu	81,300	383	385	14.1	211.17
Jumlah	2,676,100	2,679*	2,725	100.0	

*Nota: Jumlah sampel diperlukan adalah agregat keperluan minimum bagi setiap daerah.

Pemilihan jumlah sampel yang melebihi keperluan minimum adalah bertujuan untuk memperkukuh kekuatan inferensi statistik, di samping mengurangkan ralat pensampelan bagi setiap daerah kajian. Kesemua data daripada tujuh daerah kemudiannya digabungkan ($N = 2,725$) dan dianalisis sebagai satu unit kajian kes. Dalam proses penggabungan ini, pemberat statistik telah diaplikasikan menggunakan kaedah *Inverse Probability Weighting* (IPW) bagi memastikan sumbangan setiap daerah adalah seimbang dan berkadaran dengan saiz populasi sebenar. Pengiraan nilai pemberat dilakukan menggunakan rumus berikut:

$$\text{Nilai pemberat (W)} = \frac{\text{Jumlah populasi (N)}}{\text{Sampel kajian (n)}}$$

N ialah jumlah populasi daerah dan n ialah sampel kajian sebenar bagi daerah tersebut. Nilai pemberat yang dijana memastikan bahawa setiap responden mewakili proporsi populasi yang setara, seterusnya memperbetul kemungkinan ketidakseimbangan sampel antara daerah. Instrumen kajian ini terdiri daripada dua konstruk utama, iaitu KAP Undang-Undang Adat (9 item) dan Hubungan Harmoni (9 item). Semua item menggunakan skala Likert 5 mata, bermula daripada 1=Sangat Tidak Setuju hingga 5=Sangat Setuju. Item KAP dibangunkan oleh penyelidik melalui proses perbincangan intensif berdasarkan konsep kognitif-afektif-amalan, manakala item Hubungan Harmoni diadaptasi daripada Wan Zulkifli (2021) dan disesuaikan dengan konteks hubungan etnik di Sabah. Semua item telah melalui semakan pakar dan analisis kebolehpercayaan Cronbach's Alpha (Jadual 2) yang menunjukkan nilai melebihi ambang 0.70 untuk semua subskala, mengesahkan kesahan kandungan dan kebolehpercayaan instrumen yang kukuh.

Analisis statistik seterusnya menggunakan analisis deskriptif, analisis korelasi dan analisis regresi linear berhierarki untuk menguji hipotesis kajian mengenai pengaruh dimensi KAP terhadap hubungan harmoni etnik, membolehkan penilaian sumbangan unik setiap dimensi KAP selepas mengawal pemboleh ubah demografi, sekaligus membolehkan generalisasi dapatan kajian kepada keseluruhan populasi tujuh daerah terpilih secara sah. Sebanyak 2,725 borang soal selidik telah diedarkan dan kesemuanya diterima semula dalam keadaan lengkap, menghasilkan kadar respons 100%. Faktor ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh edaran borang secara bersemuka, membolehkan pengesahan segera oleh penyelidik di lokasi kajian. Risiko *non-response bias* dikendalikan melalui dua strategi utama iaitu semakan borang segera di lokasi untuk memastikan tiada item kritikal yang tertinggal dan penggantian responden serta-merta dalam kuota daerah yang sama sekiranya terdapat borang tidak lengkap. Persetujuan termaklum telah diperolehi daripada semua responden secara lisan sebelum soal selidik dimulakan, dengan jaminan kerahsiaan data diberikan.

Jadual 2. Nilai analisis kebolehpercayaan Cronbach's Alpha

Konstruk	Kod Item	Pernyataan	Cronbach's Alpha
Item Pengetahuan (K) Undang-Undang Adat	B1	Saya mengetahui tentang hak dan undang-undang adat orang asal yang terdapat dalam enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah.	$\alpha = 0.831$
	B2	Saya mengetahui ada hukuman adat (sogit) bagi memastikan hubungan harmoni antara etnik terkawal.	
	B3	Saya mengetahui undang-undang adat di Sabah berperanan dalam memastikan hubungan harmoni antara etnik terjaga.	
Item Afektif (A) Undang-Undang Adat	B4	Saya sedar penguatkuasaan undang-undang adat yang dilaksanakan di Sabah kerana ia berupaya menjamin hubungan harmoni antara etnik.	$\alpha = 0.898$
	B5	Saya menyokong undang-undang adat dikekalkan bagi memastikan kelangsungan hubungan harmoni antara etnik.	
	B6	Saya mengambil berat terhadap kewajaran penambahbaikan pengamalan, pematuhan dan pelaksanaan undang-undang adat demi menjaga hubungan harmoni antara etnik di Sabah.	
Item Amalan (P) Undang-Undang Adat	B7	Saya bersedia dikenakan hukuman jika melanggar adat etnik lain.	$\alpha = 0.839$
	B8	Saya tiada bantahan jika ada ahli keluarga saya mengamalkan undang-undang adat orang asal di Sabah.	
	B9	Saya menghormati pelaksanaan undang-undang adat demi menjamin hubungan harmoni orang asal di Sabah.	
Item Hubungan Harmoni antara etnik	C1	Individu sepatutnya mengambil berat kesepaduan yang wujud dalam hubungan pelbagai etnik.	$\alpha = 0.943$
	C2	Individu sepatutnya mengambil bahagian dalam aktiviti yang melibatkan komuniti pelbagai etnik.	
	C3	Individu sepatutnya berasa selesa apabila berinteraksi dengan pelbagai etnik.	
	C4	Individu perlu berasa selamat semasa berada dalam komuniti pelbagai etnik.	
	C5	Individu seharusnya menikmati perasaan aman tenteram ketika berurusan dengan etnik lain.	
	C6	Individu seharusnya saling mempercayai antara satu sama lain walaupun berlainan etnik.	
	C7	Individu dalam masyarakat pelbagai etnik sepatutnya membina persefahaman melalui perbincangan antara etnik.	
	C8	Individu perlu menghargai nilai dan budaya etnik lain.	
	C9	Individu sepatutnya berkongsi semangat kejiranan dan nilai setiakawan dalam masyarakat pelbagai etnik.	

Hasil Kajian

Bahagian ini membincangkan dapatan analisis deskriptif dan inferensi berdasarkan data N=2,725 yang dikumpul daripada tujuh daerah terpilih di Sabah. Jadual 3 merupakan data demografi responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 3 membentangkan profil demografi responden, yang penting untuk memahami latar belakang sosio-ekonomi dan pendidikan mereka dalam konteks pengaruh undang-undang adat dan keharmonian etnik di Sabah. Majoriti responden adalah perempuan (55%), mencerminkan peranan signifikan wanita dalam melestarikan tradisi adat orang asal. Dari segi umur, sampel didominasi oleh golongan muda dan pertengahan umur (18-49 tahun), yang menyumbang kira-kira 75% daripada keseluruhan responden. Keberagaman umur ini memberikan perspektif berharga mengenai pandangan pelbagai generasi terhadap peranan undang-undang adat dalam menjaga keharmonian sosial.

Jadual 3. Data demografi responden

Aspek	Kategori	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	173	45.0
	Perempuan	211	55.0

Umur	18-29 tahun	105	27.30
	30-39 tahun	91	23.60
	40-49 tahun	94	24.55
	50-59 tahun	59	15.38
	60 tahun dan ke atas	35	9.17
Tahap Pendidikan	Tiada Pendidikan Formal	171	6.30
	UPSR	263	9.70
	SRP/LCE/PMR/PT3	385	14.10
	SPM/MCE/SPAM	1075	39.40
	STPM/Diploma/STAM	445	16.30
	Ijazah Sarjana Muda	347	12.70
	Ijazah Sarjana (Master)	19	0.70
	Lain-lain	20	0.70

Tahap pendidikan responden juga penting dalam memahami persepsi mereka terhadap undang-undang adat. Majoriti responden mempunyai kelulusan pendidikan menengah (SPM/setaraf menyumbang 39.40%), menunjukkan tahap literasi yang baik. Responden berpendidikan tinggi (Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan ke atas) menyumbang kira-kira 29.7% daripada sampel. Latar belakang pendidikan yang pelbagai ini membolehkan penilaian bagaimana pemahaman analitis dan adaptasi undang-undang adat disesuaikan dengan nilai-nilai moden. Jadual 4 menunjukkan analisis skor min, sisihan piawai dan selang keyakinan 95% (CI) bagi semua konstruk item dalam KAP dan hubungan harmoni antara etnik di Sabah.

Jadual 4. Analisis skor min, sisihan piawai dan selang keyakinan 95% (CI) bagi semua konstruk item dalam KAP dan hubungan harmoni antara etnik di Sabah

Konstruk	Kod Item	Skor min	Sisihan piawai (SD)	Selang keyakinan 95% (CI)	
				Had bawah	Had atas
Item Pengetahuan (K) Undang-Undang Adat	B1-B3	4.1031	0.78565	4.1020	4.1042
Item Afektif (A) Undang-Undang Adat	B4-B6	4.2876	0.71077	4.2866	4.2885
Item Amalan (P) Undang-Undang Adat	B7-B9	4.0932	0.80630	4.0921	4.0943
Item Hubungan Harmoni antara etnik	C1-C9	4.4855	0.56996	4.4847	4.4863

Berdasarkan Jadual 4, min keseluruhan untuk dimensi Pengetahuan ialah 4.1031 ($SD = 0.78565$). Skor ini, berdasarkan skala Likert 5 mata, menunjukkan tahap kefahaman responden yang tinggi atau positif secara purata terhadap hak dan undang-undang adat di Sabah. Nilai sisihan piawai yang agak kecil menunjukkan bahawa data responden adalah konsisten di sekitar min, dengan variasi yang tidak terlalu besar. Julat selang keyakinan 95% yang sempit (4.1020 hingga 4.1042) mengesahkan ketepatan anggaran min sampel, menunjukkan keyakinan tinggi bahawa responden mempunyai kefahaman yang baik tentang enakmen Mahkamah Anak Negeri dan hukuman adat (Sogit). Dimensi Afektif mencatatkan skor min tertinggi dalam kalangan dimensi KAP, iaitu 4.2876 ($SD = 0.71077$). Ini menunjukkan responden mempunyai sikap yang sangat positif, menyokong dan mengambil berat terhadap penguatkuasaan dan pengekalan undang-undang adat untuk menjamin keharmonian etnik. Nilai sisihan piawai yang rendah menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dan konsisten di kalangan responden. Julat keyakinan juga sangat sempit (4.2866 hingga 4.2885), mengesahkan ketepatan anggaran min yang tinggi.

Skor min untuk dimensi Amalan ialah 4.0932 ($SD = 0.80630$), sedikit rendah berbanding Pengetahuan dan Afektif, tetapi masih menunjukkan kecenderungan yang tinggi untuk menghormati dan bersedia

menerima pelaksanaan undang-undang adat etnik lain. Nilai sisihan piawai (0.80630) adalah yang tertinggi di antara semua konstruk, menunjukkan terdapat sedikit variasi yang lebih besar dalam kesediaan responden untuk melaksanakan amalan tertentu, seperti Item B7 (Saya bersedia dikenakan hukuman jika melanggar adat etnik lain). Hal ini dijangka kerana norma hukuman adat berbeza antara kumpulan etnik di Sabah, sesetengah komuniti mempunyai tradisi penalti adat yang lebih tegas (seperti sogit dalam komuniti Kadazan, Dusun, Murut, Rungus - KDMR), manakala komuniti lain lebih menekankan penyelesaian secara musyawarah. Kepelbagaian norma ini mempengaruhi kesediaan individu menerima hukuman adat etnik lain, yang akhirnya menghasilkan variasi respons yang lebih luas. Pemaknaan kritikal ini menyokong kefahaman bahawa amalan adat adalah lebih bergantung kepada konteks setempat berbanding domain kognitif (pengetahuan) dan afektif (sikap). Walau bagaimanapun, julat keyakinan yang sempit (4.0921 hingga 4.0943) mengesahkan ketepatan min amalan yang dianggarkan.

Konstruk Hubungan Harmoni mencatatkan skor min keseluruhan tertinggi dalam kajian ini, iaitu 4.4855 (SD = 0.56996). Ini menunjukkan bahawa responden secara keseluruhan mempunyai persepsi yang sangat positif dan tinggi terhadap keharmonian hubungan etnik di Sabah. Mereka merasa selamat, selesa berinteraksi dan saling mempercayai. Nilai sisihan piawai yang terendah menunjukkan tahap persetujuan yang sangat tinggi dan konsisten di kalangan responden. Julat keyakinan yang amat sempit (4.4847 hingga 4.4863) mengesahkan keyakinan yang tinggi terhadap keharmonian etnik yang sedia wujud.

Hubungan Undang-Undang Adat terhadap Hubungan Harmoni antara Etnik di Sabah

Jadual 5 menunjukkan hubungan antara empat pembolehubah utama kajian iaitu Pengetahuan (K), Afektif (A), Amalan (P) dan Hubungan Harmoni. Semua pekali korelasi yang diperoleh adalah positif dan signifikan pada aras $p < 0.01$, menandakan bahawa peningkatan dalam satu pembolehubah berkait rapat dengan peningkatan dalam pembolehubah lain.

Jadual 5. Matriks korelasi pearson (r) dan signifikan (p)

Pembolehubah		Pengetahuan (K)	Afektif (A)	Amalan (P)	Hubungan harmoni
Pengetahuan (K)	r	1	0.723**	0.634**	0.497**
	p		0.000	0.000	0.000
Afektif (A)	r	0.723**	1	0.710**	0.597**
	p	0.000		0.000	0.000
Amalan (P)	r	0.634**	0.710**	1	0.496**
	p	0.000	0.000		0.000
Hubungan harmoni	r	0.497**	0.597**	.496**	1
	p	0.000	0.000	0.000	

** Korelasi signifikan pada aras $p < 0.01$ (2-hala).

Sumber: Kajian lapangan (2022-2023)

Dapatan menunjukkan bahawa Pengetahuan mempunyai hubungan positif yang kuat dengan Afektif ($r = 0.723$, $p = 0.000$) dan Amalan ($r = 0.634$, $p = 0.000$), manakala hubungannya dengan Hubungan Harmoni adalah sederhana ($r = 0.497$, $p = 0.000$). Ini menggambarkan bahawa semakin tinggi tahap pengetahuan seseorang terhadap undang-undang adat, nilai budaya dan norma sosial, semakin positif sikap dan penghargaan mereka terhadap kepentingan adat tersebut, serta semakin besar kecenderungan mereka untuk mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Secara keseluruhan, pengetahuan bertindak sebagai asas penting yang membentuk sikap dan seterusnya mempengaruhi keterlibatan dalam amalan serta menyumbang kepada hubungan harmoni antara etnik.

Pembolehubah Afektif menunjukkan hubungan positif yang kuat dengan Amalan ($r = 0.710$, $p = 0.000$) dan hubungan sederhana dengan Hubungan Harmoni ($r = 0.597$, $p = 0.000$). Ini menunjukkan bahawa sikap, emosi dan penghargaan individu terhadap undang-undang adat memainkan peranan penting dalam mendorong keterlibatan mereka dalam pengamalan adat tersebut, selain menyumbang kepada interaksi sosial yang lebih positif dan saling menghormati. Sikap yang positif terhadap adat bukan sahaja mempengaruhi pelaksanaan

amalan budaya, tetapi turut mengukuhkan hubungan sosial dan meningkatkan kesediaan individu untuk berinteraksi secara harmoni dengan pelbagai kumpulan etnik.

Terdapat hubungan positif yang sederhana antara Amalan dan Hubungan Harmoni ($r = 0.496$, $p = 0.000$), menunjukkan bahawa penglibatan dalam amalan adat dan kepatuhan terhadap norma setempat mempunyai pengaruh yang jelas dalam mengukuhkan hubungan sosial antara etnik. Individu yang lebih aktif terlibat dalam kegiatan adat didapati lebih berpotensi membina persefahaman, toleransi dan rasa kebersamaan dalam komuniti, sekali gus menyumbang kepada keharmonian sosial. Walaupun korelasi ini tidak sekuat hubungan yang melibatkan aspek afektif atau pengetahuan, ia tetap menggambarkan bahawa amalan budaya mempunyai peranan signifikan dalam pembentukan suasana sosial yang inklusif.

Secara keseluruhan, dapatan korelasi dalam Jadual 7 menunjukkan pola yang konsisten dan saling berkaitan, di mana Pengetahuan membentuk sikap Afektif, manakala Afektif mendorong penglibatan dalam Amalan, dan ketiga-tiga dimensi ini secara kolektif menyumbang kepada pembinaan Hubungan Harmoni antara etnik. Korelasi paling tinggi antara Pengetahuan-Afektif dan Afektif-Amalan menggambarkan bahawa aspek kognitif dan emosi merupakan pendorong utama dalam membentuk tingkah laku sosial yang positif. Hubungan sederhana antara setiap dimensi KAP dengan Hubungan Harmoni pula menegaskan bahawa undang-undang adat dan nilai budaya bukan sahaja berfungsi sebagai panduan sosial, tetapi turut berperanan sebagai mekanisme integratif yang menyumbang kepada persefahaman, toleransi dan keharmonian dalam masyarakat majmuk.

Pengaruh Undang-Undang Adat Terhadap Hubungan Harmoni antara Etnik di Sabah

Bahagian ini membincangkan hasil analisis regresi linear berganda yang dijalankan untuk menguji hipotesis mengenai kesan pengetahuan (K), sikap (A), dan amalan (P) undang-undang adat terhadap keharmonian etnik. Analisis ini dibahagikan kepada dua model utama, Model 1 (empat pemboleh ubah kawalan) dan Model 2 (empat kawalan + KAP) dan diikuti dengan semakan keteguhan (*robustness check*) menggunakan *Linear Mixed Model* (LMM) dengan ralat piawai dirumpun (*clustered standard errors*). Model 1 berfungsi sebagai model asas (*baseline*) yang menilai kesan empat pemboleh ubah kawalan (jantina, umur, tahap pendidikan, dan lokasi) terhadap keharmonian etnik. Hasil analisis (Jadual 6) menunjukkan bahawa model ini adalah signifikan secara statistik secara keseluruhan ($F(4, 1991092) = 16583.564$, $p < 0.001$ p is less than 0.001 $p < 0.001$).

Jadual 6. Hasil regresi linear model 1

Pemboleh Ubah	Beta berpiawai (β)	Selang keyakinan 95% (CI)		VIF
		Had bawah	Had atas	
Jantina	-0.049	-0.057	-0.054	1.004
Umur	0.037	0.002	0.002	1.157
Tahap Pendidikan	0.096	0.038	0.039	1.301
Lokasi	0.121	0.032	0.033	1.151
Kesesuaian Model				
R^2	0.032			
F (df)	16583.564			

Nota: Semua nilai VIF adalah di bawah 5, menunjukkan tiada isu multikolineariti serius. Ralat piawai anggaran (Std. Error of the Estimate) = 0.56069.

Empat pemboleh ubah kawalan ini bersama-sama menerangkan 3.2% varians dalam keharmonian etnik ($R^2 = 0.032$). Semua pemboleh ubah kawalan adalah signifikan secara individu. Menariknya, pemboleh ubah Lokasi muncul sebagai peramal kawalan terkuat ($\beta = 0.121$, $p < 0.001$), diikuti oleh Tahap Pendidikan ($\beta = 0.096$, $p < 0.001$). R^2 yang rendah menunjukkan bahawa faktor lain yang lebih substantif diperlukan untuk menerangkan sebahagian besar varians dalam keharmonian etnik. Seterusnya, Model 2 menambah pemboleh ubah utama kajian iaitu pengetahuan, afektif dan amalan undang-undang adat secara serentak kepada empat pemboleh ubah kawalan (Jadual 7).

Jadual 7. Hasil Regresi Linear Model 2

Pemboleh Ubah	Beta berpiawai (β)	Selang keyakinan 95% (CI)		VIF
		Had bawah	Had atas	
Kawalan				
Jantina	0.007	0.006	0.009	1.012
Umur	-0.016	-0.001	-0.001	1.165
Tahap Pendidikan	0.088	0.035	0.036	1.307
Lokasi	0.025	0.006	0.007	1.151
KAP				
Pengetahuan (K)	0.105	0.075	0.077	2.265
Afektif (A)	0.432	0.345	0.348	2.716
Amalan (P)	0.118	0.083	0.085	2.164
Kesesuaian Model				
R ²	0.383			
F (df)	176,753.584			

Nota: Semua nilai VIF adalah di bawah 5, menunjukkan tiada isu multikolineariti serius. Ralat piawai anggaran (Std. Error of the Estimate) = 0.44760.

Hasilnya menunjukkan peningkatan ketara dalam kuasa penjelasan model berbanding Model 1. Model 2 mencapai $R^2 = 0.383$ (Adjusted $R^2=0.383$), yang bermaksud 38.3% varians dalam keharmonian etnik diterangkan oleh gabungan empat pemboleh ubah kawalan dan KAP. Model keseluruhan adalah signifikan secara statistik ($F(7, 1991089) = 176,753.584, p<0.001$).

Jadual 8. Perbandingan model dan varians tambahan yang dijelaskan (ΔR^2)

Model	Pemboleh Ubah Dimasukkan	R ²	ΔR^2
Model 1	Empat Kawalan Sahaja	0.032	-
Model 2	Empat Kawalan + K, A, P	0.383	0.351

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8, penambahan pemboleh ubah KAP sahaja menyumbang 35.1% varians tambahan ($\Delta R^2 = 0.351$) melebihi apa yang diterangkan oleh empat kawalan demografi dan lokasi, menunjukkan sumbangan substantif KAP terhadap keharmonian etnik. Secara individu, semua pemboleh ubah KAP adalah sangat signifikan ($p<0.001$). Sikap (A_score) muncul sebagai peramal yang paling kuat ($\beta=0.432$), diikuti Amalan ($\beta=0.118$) dan Pengetahuan ($\beta=0.105$). Semakan diagnostik VIF mengesahkan tiada isu multikolineariti yang serius wujud. Untuk menangani potensi ralat piawai yang terlalu rendah akibat saiz sampel yang besar dan struktur data berumpun mengikut daerah, analisis keteguhan dijalankan menggunakan *Linear Mixed Model* (LMM) dengan *clustered standard errors* seperti dalam Jadual 9.

Jadual 9. Analisis keteguhan menggunakan standard error dirumpun

Pemboleh Ubah	B (Anggaran)	Ralat Piawai (SE Dirumpun)	t	Sig. (p)
Pengetahuan (K)	0.078426	0.001869	41.968	<0.001
Afektif (A)	0.349272	0.001859	187.893	<0.001
Amalan (P)	0.084478	0.001683	50.183	<0.001
Pintasan (<i>Intercept</i>)	2.327140	0.002016	1154.128	<0.001

Analisis keteguhan ini (Jadual 9) mengesahkan penemuan utama Model 2. Nilai koefisien (B) adalah konsisten, dan semua pemboleh ubah kekal sangat signifikan secara statistik ($p < 0.001$), mengesahkan bahawa penemuan utama KAP adalah kukuh dan boleh dipercayai, walaupun mengambil kira kesan lokasi dan pengelompokan daerah. Kedua-dua hipotesis utama kajian disokong sepenuhnya oleh dapatan statistik, mengesahkan hubungan dan pengaruh signifikan dimensi KAP terhadap keharmonian etnik di Sabah. Analisis regresi menunjukkan bahawa ketiga-tiga pemboleh ubah utama, Pengetahuan (K), Afektif (A), dan Amalan (P), mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan hubungan harmoni, dengan semua pekali regresi berada pada aras $p < 0.001$, sekaligus mengesahkan H₁. Selanjutnya, H₂ turut diterima apabila dimensi Afektif (A) dikenal pasti sebagai peramal paling kuat, mencatatkan pekali beta tertinggi ($\beta = 0.432$), berbanding Amalan ($\beta = 0.118$) dan Pengetahuan ($\beta = 0.105$). Jadual 10 menjelaskan keputusan pengujian hipotesis kajian.

Jadual 10. Keputusan pengujian hipotesis kajian

Kod Hipotesis	Pernyataan Hipotesis	Keputusan Ujian Statistik	Keputusan
H ₁	Terdapat hubungan yang signifikan antara ketiga-tiga dimensi KAP terhadap pengaruh undang-undang adat dalam mewujudkan hubungan harmoni antara etnik di Sabah.	Semua pekali regresi bagi dimensi KAP adalah positif dan signifikan pada aras $p < 0.001$. Model keseluruhan signifikan ($R^2 = 0.383$).	Diterima
H ₂	Salah satu daripada dimensi KAP menjadi peramal yang paling kuat terhadap pengaruh undang-undang adat dalam mewujudkan hubungan harmoni antara etnik di Sabah.	Pekali regresi Afektif (A) adalah yang tertinggi ($\beta = 0.432$), diikuti Amalan ($\beta = 0.118$) dan Pengetahuan ($\beta = 0.105$).	Diterima

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa domain Afektif (A) dan Amalan (P) berkaitan undang-undang adat merupakan peramal yang lebih kuat terhadap keharmonian etnik berbanding domain Pengetahuan (K). Corak ini menggambarkan bahawa hubungan etnik di Sabah lebih dipacu oleh penerimaan sosial, legitimasi budaya dan pengalaman praktikal masyarakat dalam menghayati adat berbanding pengetahuan formal semata-mata. Keputusan ini selari dengan sejarah perkembangan awal kerangka KAP yang digunakan sejak 1950-an dan 1960-an dalam kajian tingkah laku komuniti (WHO, 1954; Rosenstock, 1974) yang menekankan bahawa perubahan tingkah laku selalunya dipacu oleh komponen afektif dan norma sosial yang tertanam (Launiala, 2009). Dapatan ini juga seiring dengan pemerhatian empirikal di Sabah yang menunjukkan bahawa penerimaan emosi terhadap adat, budaya dan kepercayaan bersama antara etnik lebih dominan dalam membentuk interaksi sosial berbanding tahap kefahaman perundangan formal (Hussin et al., 2022; Johnes et al., 2022).

Dominasi domain Afektif (A) boleh dijelaskan melalui kedudukan adat sebagai undang-undang adat hidup yang berfungsi melalui memori budaya, rundingan harian dan hubungan sosial seperti yang dihuraikan oleh Morudu dan Maimela (2021) dalam konteks Afrika Selatan. Fenomena sama turut diperhatikan oleh Ahrén (2004) dalam masyarakat Saami, di mana pengetahuan adat, sikap dan amalan komuniti berlaku secara saling menguatkan melalui sistem kepercayaan dan orientasi kosmologi. Dalam konteks Asia Tenggara, Dalyan et al. (2024) menunjukkan bahawa institusi adat di Indonesia seperti Lembaga Adat membentuk tingkah laku komuniti bukan melalui pengetahuan formal semata-mata, tetapi melalui norma sosial, pematuhan komunal dan pengalaman rutin bermasyarakat. Pola-pola ini mengukuhkan dapatan kajian bahawa penerimaan sosial dan legitimasi budaya memainkan peranan lebih besar daripada pengetahuan formal dalam mewujudkan keharmonian etnik di Sabah.

Hubungan lebih lemah yang ditunjukkan oleh domain Pengetahuan (K) pula sejajar dengan realiti dualistik undang-undang adat di Sabah sebagaimana yang dihuraikan oleh Salleh (2021) dan Salleh et al. (2024). Walaupun undang-undang adat telah dikodifikasikan dalam Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992, sebahagian besar pengetahuan adat masyarakat diperoleh melalui sosialisasi budaya dan amalan turun-temurun, bukan daripada pembelajaran formal. Hal ini konsisten dengan pemerhatian Priambodo (2018) bahawa meskipun undang-undang adat diiktiraf oleh negara (seperti BAL di Indonesia), keberkesanan adat

tetap bergantung pada penerimaan dan amalan komuniti itu sendiri. Oleh itu, pengetahuan formal memainkan peranan sekunder dalam membentuk pengalaman keharmonian etnik.

Corak dapatan ini juga konsisten dengan literatur Sabah yang menekankan sifat adat sebagai sistem sosial yang berfungsi dalam ruang moral dan kosmologi. Pugh-Kitingan et al. (2023) dan Jikat (2021) menunjukkan bahawa amalan adat di Sabah berpaksikan makna simbolik, etika kolektif dan struktur kepercayaan yang sukar digarap melalui pengetahuan formal semata-mata. Demikian juga Marinsah et al. (2019) dan Hasmin et al. (2022) menunjukkan bahawa adat di Sabah heterogen dan berakar pada pengalaman sosial yang konkrit, seperti adat kematian Bajau dan Sogit Dusun, yang sekali lagi menguatkan dapatan kajian bahawa afektif dan amalan lebih menentukan pembentukan keharmonian.

Dalam konteks hubungan etnik, dapatan ini mengesahkan pemerhatian Hussin et al. (2022) dan Tamring & Mahali (2020) bahawa adat menyumbang kepada toleransi sosial dan mengurangkan konflik antara etnik. Dengan menggunakan kerangka KAP, kajian ini bukan sahaja mengisi jurang tersebut tetapi turut memberikan sokongan empirikal kepada andaian bahawa norma sosial, penerimaan budaya dan amalan harian memainkan peranan paling besar dalam pembentukan keharmonian etnik di Sabah. Selain itu, dapatan kajian juga mengukuhkan pandangan Jelani (2008) bahawa undang-undang adat berfungsi sebagai asas aturan sosial yang berkesan apabila diamalkan secara organik. Ketegangan yang diuraikan oleh Wook et al. (2017) serta isu ketidakselarasan antara adat hidup dan adat rasmi seperti yang diterangkan dalam laporan Cultural Survival et al. (2023) turut menjelaskan mengapa pengetahuan formal sahaja tidak mencukupi untuk mempengaruhi persepsi keharmonian dalam masyarakat.

Dari sudut implikasi, kekuatan domain Afektif (A) dan Amalan (P) menegaskan keperluan untuk mengukuhkan institusi adat seperti Mahkamah Anak Negeri (MAN), ketua kampung dan pemimpin adat yang berperanan sebagai pengantara antara adat hidup dan adat rasmi. Ini bersesuaian dengan konteks sejarah pembentukan MAN yang dijelaskan oleh Azlizan & Salbiya (2020) dan kerangka pluralisme undang-undang yang dibincangkan oleh Rafidah@Malissa (2021; 2024). Dengan menambahbaik kesedaran adat secara komuniti serta memperkukuh amalan sosial lintas etnik, jurang pengetahuan yang dikenal pasti dalam kajian ini dapat dikurangkan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menyokong literatur rentas negara (Ahrén 2004; Morudu & Maimela 2021; Dalyan et al. 2024) dan tempatan (Jelani 2008; Marinsah et al. 2019; 2022) bahawa keharmonian sosial lebih dipengaruhi oleh penerimaan sosial dan amalan budaya berbanding pengetahuan formal. Kajian ini mengesahkan pola tersebut secara empirikal dalam konteks Sabah yang plural, sekaligus menyumbang kepada pemahaman lebih mendalam mengenai hubungan etnik dalam landskap kontemporari negeri ini.

Implikasi Dasar dan Cadangan Kajian Akan Datang

Dari sudut implikasi dasar, dapatan kajian ini mencadangkan bahawa undang-undang adat wajar diangkat sebagai komponen strategik dalam dasar perpaduan dan pembangunan sosial negeri Sabah. Program pengukuhan perpaduan tidak seharusnya hanya bertumpu kepada pendekatan pentadbiran atau kempen maklumat, tetapi perlu menekankan pembinaan sikap, nilai dan penerimaan sosial melalui aktiviti rentas etnik, ritual bersama dan dialog komuniti yang berasaskan adat. Pendekatan ini lebih berpotensi memupuk keharmonian yang bersifat lestari kerana ia berakar pada pengalaman sosial dan legitimasi budaya masyarakat setempat. Kajian ini juga menegaskan keperluan memperkukuh peranan Mahkamah Anak Negeri sebagai institusi pembinaan kohesi sosial, bukan sekadar sebagai mahkamah penyelesaian pertikaian. MAN boleh diperkasakan sebagai pusat mediasi sosial, pendidikan adat dan fasilitasi dialog antara etnik, khususnya dalam komuniti bandar yang semakin berjauhan dengan adat hidup. Pengukuhan peranan ini dapat membantu mengekalkan kesinambungan nilai adat dalam persekitaran sosial yang semakin moden dan kompleks.

Bagi kajian akan datang, penyelidikan longitudinal disarankan bagi menilai perubahan sikap, amalan dan tahap keharmonian etnik merentas generasi serta kesan urbanisasi dan globalisasi terhadap fungsi adat. Pendekatan kualitatif seperti temu bual mendalam dan etnografi juga wajar dilaksanakan bagi meneroka makna simbolik, pengalaman emosi dan naratif sosial yang membentuk dimensi afektif undang-undang adat. Selain itu, kajian lanjutan boleh memfokuskan perbandingan antara komuniti bandar dan luar bandar serta

menilai peranan belia dan media digital dalam pembentukan nilai adat. Analisis terhadap peranan ritual, perayaan dan simbol budaya sebagai medium integrasi sosial juga berpotensi memperkaya pemahaman tentang bagaimana undang-undang adat terus berfungsi sebagai mekanisme keharmonian dalam masyarakat majmuk Sabah.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa undang-undang adat merupakan mekanisme sosial yang hidup dan berfungsi secara substantif dalam membentuk keharmonian antara etnik di Sabah. Undang-undang adat tidak beroperasi sebagai sistem normatif yang terasing, sebaliknya tertanam dalam struktur emosi, nilai moral dan pengalaman sosial masyarakat. Melalui kerangka KAP, kajian ini menunjukkan bahawa keharmonian etnik terbina melalui proses berperingkat yang bermula daripada kesedaran kognitif terhadap adat, berkembang kepada penerimaan dan penghargaan sosial, dan seterusnya diterjemahkan dalam amalan seharian yang memperkukuh toleransi serta rasa kekitaan dalam komuniti majmuk. Dapatan kajian ini mengukuhkan hujah bahawa kekuatan sebenar undang-undang adat dalam konteks Sabah terletak pada legitimasi budaya dan penerimaan sosialnya, bukannya pada bentuk perundangan semata-mata. Keharmonian antara etnik lebih dipacu oleh sikap, emosi dan kepercayaan yang dikongsi bersama berbanding penguasaan pengetahuan formal terhadap peruntukan adat. Oleh itu, undang-undang adat perlu difahami sebagai modal sosial yang berfungsi sebagai pengikat komuniti, pengawal norma bersama dan medium integrasi sosial yang berupaya mengekalkan kestabilan hubungan antara etnik dalam landskap masyarakat Sabah yang plural dan dinamik.

Penghargaan: Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah atas anugerah dana projek penyelidikan SDK0328-2021 “Kajian Toleransi dan Hubungan Harmoni antara Etnik di Sabah”. Kajian lapangan dan penulisan artikel ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan tajaan kewangan daripada geran penyelidikan ini. Terima kasih.

Konflik Kepentingan: Pengarang tidak memiliki sebarang konflik kepentingan berkaitan kajian ini.

Rujukan

- Ahrén, M. (2004). Indigenous peoples' culture, customs, and traditions and customary law: The Saami people's perspective. *Arizona Journal of International and Comparative Law*, 21, 63–112.
- Andrade, C., Menon, V., Ameen, S., & Kumar Praharaj, S. (2020). Designing and conducting knowledge, attitude, and practice surveys in psychiatry: Practical guidance. *Indian Journal of Psychological Medicine*, 42(5), 478–481. <https://doi.org/10.1177/0253717620944811>
- Azima, A. M., Sivapalan, S., Zaimah, R., Suhana, S., & Mohd Yusof, H. (2015). Boundary and customary land ownership dispute in Sarawak. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(4S3), 17–25. <https://doi.org/10.5901/mjss.2015.v6n4s3p17>
- Booklet Pencapaian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022. (2022). Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Cultural Survival, Jaringan Orang Asal Semalaysia (JOAS), PACOS Trust, & MOPOT–Moningolig Pogun Tokou. (2023). *Observations on the state of indigenous peoples' rights in Malaysia*.
- Dalyan, M., Suma, M., Sosrohadi, S., & Andini, C. (2024). Harmony and sustainability: Traditional ecological knowledge systems of the Kaluppini Indigenous people. *International Journal of Religion*, 5(6), 82–92.
- Enakmen Mahkamah Anak Negeri (Sabah No. 3/1992).
- Fonseca, X., Lukosch, S., & Brazier, F. (2019). Social cohesion revisited: A new definition and how to characterize it. *Innovation: The European Journal of Social Science Research*, 32(2), 231–253. <https://doi.org/10.1080/13511610.2018.1497480>
- Google Maps. (2023). *Map of selected study districts in Sabah, Malaysia*. Google LLC. <https://maps.google.com>
- Hamzah, H. (2013). The Orang Asli customary land: Issues and challenges. *Journal of Administrative Science*, 10, 1–15.

- Hasmin, M. F., Marinsah, S. A., & Sintang, S. (2022). Amalan sogit masyarakat Dusun di Sabah dalam menghadapi musibah kematian: Analisis perspektif Islam. *Journal of Islamic Studies*, 7(47), 220–233.
- Hussin, R., Johnes, J., Mapjabil, J., Stephen, J., & Michael, J. F. (2021). Struktural ekosistem dan tadbir urus Mahkamah Anak Negeri di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(8), 281–292.
- Hussin, R., Johnes, J., & Stephen, J. (2022). Pengaruh hak dan undang-undang adat terhadap toleransi dan hubungan harmoni antara etnik di Sabah. *e-Bangi Journal*, 19(6), 1–14.
- Jelani, H. (2008). Kajian naskhah undang-undang adat Melayu di London. *Sari (ATMA)*, 26, 127–148.
- Johnes, J., Hussin, R., & Tangit, T. M. (2022). Keharmonian masyarakat melalui perayaan rakyat. *e-Bangi Journal*, 19(6), 75–87.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample sizes for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Launiala, A. (2009). How much can a KAP. survey tell us about people's knowledge, attitudes and practices? *Anthropology Matters*, 11(1).
- Marinsah, S., Hajimin, M. N. H. H., & Ramli, M. A. (2019). Unsur kearifan tempatan dalam adat kematian masyarakat Bajau di Sabah: Analisis dari perspektif hukum Islam. *MANU Journal*, 29, 51–69.
- Moore, S. F. (2000). *Law as process: An anthropological approach*. LIT Verlag Münster.
- Morudu, N. L., & Maimela, C. (2021). The indigenisation of customary law: Creating an indigenous legal pluralism within the South African dispensation. *De Jure Law Journal*, 54(1), 54–69.
- Mullen, P. D., Green, L. W., & Persinger, G. S. (1985). Clinical trials of patient education for chronic conditions. *Preventive Medicine*, 14(6), 753–781. [https://doi.org/10.1016/0091-7435\(85\)90030-9](https://doi.org/10.1016/0091-7435(85)90030-9)
- Perlembagaan Persekutuan. (2020). *Jadual kesembilan: Senarai IIA (Perkara 95B)*. Jabatan Peguam Negara. <https://bhess.jpm.gov.my>
- Priambodo, B. B. (2018). Positioning adat law in Indonesia's legal system. *Udayana Journal of Law and Culture*, 2(2), 140–164. <https://doi.org/10.24843/UJLC.2018.v02.i02.p03>
- Razak, S., & Sujud, A. (2016). Penerapan undang-undang adat terhadap kesalahan sahsiah pada zaman Kesultanan Melayu. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 2(1), 16–30.
- Rosenstock, I. M. (1974). Historical origins of the health belief model. *Health Education Monographs*, 2(4), 328–335. <https://doi.org/10.1177/109019817400200403>
- Salleh, R. (2021). Native law as one of the sources of law in Sabah legal system. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(11), e002785. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.1138>
- Salleh, R., Yusof, K. M. A. A. K., Ikhsan, M. I., & Matah, L. J. (2024). Jurisdiction of the native courts in Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(11), e003042. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i11.304>
- Tamring, B. A. M., & Mahali, S. N. H. (2020). Hubungan kaum di Sabah: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(10), 95–104.
- Wook, I., Sholehuddin, N., Amani, N. C., Hassan, S. S. C., Rahman, A. A., Zakaria, M. Z., & Abidin, T. M. T. Z. (2017). Tanah adat di Negeri Sembilan: Undang-undang, pelaksanaan dan realiti. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5, 1–18. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol5no1.48>
- World Health Organization. (1954). *Public health surveys: A manual of methods*. WHO.